

KAEDAH PENGAJARAN KEUSAHAWANAN MELALUI PENERAPAN CIRI-
CIRI KEUSAHAWANAN DI KOLEJ VOKASIONAL

NOORAZAH BINTI SADLI

Laporan tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MEI 2022

DEDIKASI

*Terima kasih buat **Zainal bin Sadli, Siti Salwah binti Sadli, Mohd Najib bin Sadli, Raemah binti Sadli, Mahanum binti Sadli, Ridzauddin bin Sadli dan keluarga** yang sentiasa menjadi sumber kekuatan dan inspirasi untuk menyiapkan kajian ini. Kepada **Aqilah, Shuhada, Kak Mala, Ieja dan Ieka**, sokongan dan bantuan kalian senantiasa diingati.*

Sejuta penghargaan diucapkan atas bantuan, sokongan dan motivasi yang dihulurkan. Semoga Allah membalas jasa dan ilmu yang dikongsikan. Terima kasih semuanya.

Kepada sahabat dan kenalan yang lain yang sentiasa mendoakan dan memberi dorongan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih atas segalanya.

Semoga Allah sentiasa memberkati kalian semua.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

PENGHARGAAN

Segala puji kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan kurnia dan hidayahNya, akhirnya kajian ini dapat disempurnakan.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S. A.W, pesuruh Allah yang amat dikasihi, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda, serta semua yang mengikuti perjuangan dan ajaran mereka.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Prof. Madya Ts. Dr. Mimi Mohaffyza binti Mohamad yang telah memberi bimbingan, motivasi, nasihat, panduan dan tunjuk ajar sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Jutaan terima kasih kepada FPTV UTHM, CGS UTHM, Bahagian Tajaan KPM, BPLTV, guru-guru dan pelajar-pelajar KV Kluang, Kota Tinggi, KV Batu Pahat, KV Muar, KV ERT Azizah, KV Perdagangan, KV Tanjung Puteri, KV Melaka Tengah, KV Datuk Seri Mohd Zin, KV Jasin, KV Port Dickson, KV Ampangan, KV Juasseh, KV Dato' Lela Maharaja, KV Dato' Undang Haji Muhamad Sharip dan KV Kuala Klawang yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang proses kajian ini dijalankan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada ahli keluarga yang tersayang yang sentiasa mendoakan, memberi dorongan, semangat dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan sehingga selesai.

Semoga hasil usaha yang dicurahkan untuk menyiapkan kajian ini diberkati dan mendapat keredhaan Allah hendaknya. Amin.

ABSTRAK

Kadar pengangguran dalam kalangan graduan Kolej Vokasional kian meningkat. Pendidikan keusahawanan dilihat sebagai salah satu medium dalam menangani masalah tersebut. Pendidikan keusahawanan merupakan kursus wajib bagi pelajar diploma kolej vokasional. Selaras dengan matlamat penubuhan Kolej Vokasional ingin melahirkan graduan yang kompetitif dan kompeten, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan ciri-ciri keusahawanan yang sesuai diterapkan dalam pengajaran keusahawanan di Kolej Vokasional dalam menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran seterusnya berhasrat dapat merealisasikan 10% usahawan dalam kalangan graduan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan soal selidik. Analisis data dijalankan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 21* yang melibatkan analisis min, kekerapan, peratus, sisihan piawai dan independent sample t-test. Seramai 93 orang guru Keusahawanan dan 566 pelajar yang terdiri daripada 293 pelajar bidang teknologi dan 273 pelajar bidang bukan teknologi di Kolej Vokasional Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang paling dominan adalah kaedah pengajaran secara interaktif, sementara ciri keusahawanan yang paling dominan pula adalah kreatif dan inovasi menerusi kaedah pengajaran secara interaktif. Terdapat perbezaan kaedah pengajaran dan penerapan ciri-ciri keusahawanan yang digunakan oleh guru bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran keusahawanan. Seterusnya, dari perspektif pelajar, menunjukkan adanya perbezaan kaedah pengajaran dan penerapan ciri-ciri keusahawanan yang digunakan oleh guru terhadap pelajar bidang teknologi dan bukan teknologi. Sehubungan itu, penyelidik mencadangkan panduan kaedah pengajaran Keusahawanan melalui gabungan kesemua kaedah pengajaran dan penerapan ciri-ciri keusahawanan dengan penggunaan elemen yang bersesuaian bagi membantu meningkatkan keberkesanan penyampaian guru.

ABSTRACT

There has been an increase in the unemployment rate among Vocational College graduates. Entrepreneurship education is seen as one of the mediums in tackling the issue. Entrepreneurship education is a compulsory course for Vocational College diploma students. In line with the Vocational College's mission in producing competitive and competent graduates, the objective of this research is to identify the teaching methods and entrepreneurship characteristics that are suitably applicable in the entrepreneurship education at Vocational College in order to improve the quality of the teaching and learning and subsequently generate 10% entrepreneurs among the graduates. The research design of this study is quantitative approach and survey method via questionnaire. Data analysis was conducted using mean, frequency, percentage, standard deviation and independent sample t-test. A total of 93 Entrepreneurship teachers and 566 students comprised of 293 students from technology field and 273 non-technology students at the Vocational College from the Southern zone participated in this research. The result of the research has shown that the most dominant teaching method is interactive method, meanwhile in Entrepreneurship education the most dominant is creative and innovative teaching method via interactive approach. There is a distinction in teaching method and the application of entrepreneurship characteristics used by technology teachers and non-technology teachers in entrepreneurship studies. Meanwhile, based on students' perspective, it is shown that there is a difference in teaching method and the application of entrepreneurship characteristics utilized by teachers towards technology and non-technology students. Thus, researcher recommends a guide for teaching of entrepreneurship that includes combination of various teaching methods and the application of entrepreneurship characteristics with the use of suitable elements to heighten the effectiveness of the teacher's teaching approach.

ISI KANDUNGAN

	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI PENERBITAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	23
	1.4 Tujuan Kajian	24
	1.5 Objektif Kajian	24
	1.6 Persoalan Kajian	24
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	25
	1.8 Kepentingan Kajian	26
	1.9 Kerangka Konsep Kajian	27
	1.10 Definisi Operasional	28

1.11	Rumusan Bab	34
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	36
2.1	Pengenalan	36
2.2	Sistem Pendidikan Kolej Vokasional	36
2.2.1	Pendidikan Keusahawanan	38
2.2.2	Pendidikan Keusahawanan Kolej Vokasional	41
2.3	Penglibatan Graduan Kolej Vokasional Dalam Bidang Keusahawanan	43
2.4	Konsep Usahawan dan Keusahawanan	46
2.5	Pengajaran	49
2.6	Kaedah Pengajaran	51
2.6.1	Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Keusahawanan dalam bidang teknologi dan bukan bidang teknologi	53
2.6.2	Kaedah Pengajaran Keusahawanan	55
2.6.3	Peranan Guru dalam Teknik Pengajaran Keusahawanan	59
2.7	Ciri-ciri Keusahawanan dalam Pembentukan Usahawan	62
2.7.1	Berani Mengambil Risiko	63
2.7.2	Kreatif dan Inovatif	65
2.7.3	Keyakinan Diri	67
2.7.4	Motivasi	68
2.8	Teori Keusahawanan	69
2.8.1	Pendekatan Psikologi	69
2.8.2	Teori McClelland (1961)	70
2.8.3	Teori Tingkah laku Terancang (Theory of Planned Behavior-TPA)	71
2.9	Rumusan Bab	72

BAB 3	METODOLOGI	74
3.1	Pengenalan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.3	Lokasi Kajian	75
3.4	Kerangka Operasi Kajian	76
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	79
3.6	Instrumen Kajian	82
3.7	Kesahan Soal Selidik	86
3.8	Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	88
3.9	Pengumpulan dan Analisis Data	91
3.10	Rumusan Bab	93
BAB 4	ANALISIS DATA	94
4.1	Pengenalan	94
4.2	Penyaringan Data	94
4.3	Analisis Demografi Kajian	95
4.4	Analisis Data	99
4.4.1	Kaedah pengajaran dan ciri-ciri keusahawanan yang paling dominan digunakan oleh guru dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional	99
4.4.2	Perbezaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional	100
4.4.3	Perbezaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru terhadap pelajar bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional dari perspektif pelajar	102
4.4.4	Perbezaan ciri-ciri keusahawanan yang diterapkan oleh guru bidang teknologi	

	dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional	104
4.4.5	Perbezaan ciri-ciri keusahawanan yang diterapkan oleh guru terhadap pelajar bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional dari perspektif pelajar.	106
4.5	Rumusan Bab	108
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	110
5.1	Pengenalan	110
5.2	Perbincangan	110
5.3	Persoalan Kajian (i): Kaedah pengajaran dan ciri-ciri keusahawanan yang paling dominan digunakan oleh guru dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional.	111
5.4	Persoalan Kajian (ii): Perbezaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional.	118
5.5	Persoalan Kajian (iii): Perbezaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru terhadap pelajar bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional dari perspektif pelajar	122
5.6	Persoalan Kajian (iv): Perbezaan ciri-ciri keusahawanan yang diterapkan oleh guru bidang teknologi dan bukan teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional.	125
5.7	Persoalan Kajian (v): Perbezaan ciri-ciri keusahawanan yang diterapkan oleh guru terhadap pelajar bidang teknologi dan bukan	

teknologi dalam pengajaran Keusahawanan di Kolej Vokasional dari perspektif pelajar	133
5.8 Cadangan Sumbangan Kajian	138
5.9 Kesimpulan	145
5.10 Implikasi Kajian	146
5.11 Cadangan Kajian	148
5.11.1 Pengajaran Keusahawanan	148
5.11.2 Tenaga Pengajar	149
5.11.3 Pelajar	149
5.12 Kajian Lanjutan	150
5.13 Penutup	151
RUJUKAN	153
LAMPIRAN	185
VITA	216



SENARAI JADUAL

1.1: Data Kajian Pengesanan Graduan Kolej Vokasional Kohort 2013 – Kohort 2014 dan Kolej Vokasional Muar Kohort 2014 Kohort 2015	9
3.2: Pembahagian Taburan Item Soal Selidik	84
3.3: Tafsiran Skala Likert Soal Selidik	85
3.4: Jadual kebolehpercayaan instrumen kajian (Chua, 2014)	88
3.5: Jadual ringkasan edaran dan kutipan set soal selidik kajian rintis.	89
3.6: Nilai <i>Alpha Cronbach</i> mengikut pembahagian dalam soal selidik Kaedah Pengajaran Keusahawanan bagi pelajar Tahun Akhir Kolej Vokasional.	90
3.7: Nilai <i>Alpha Cronbach</i> mengikut pembahagian dalam soal selidik Kaedah Pengajaran Keusahawanan bagi guru yang mengajar Keusahawanan di Kolej Vokasional	90
3.8: Interpretasi Skor Min	91
3.9: Kaedah Analisis Data	92
4.1: Taburan Borang Soal Selidik	95
4.2: Demografi Guru	97
4.3: Demografi Pelajar	98
4.4: Kaedah Pengajaran dan ciri-ciri keusahawanan yang paling dominan	100
4.5: Analisis pengujian sampel bebas (<i>Independent-sample t-test</i>) bagi kaedah pengajaran mengikut bidang guru	102

4.6: Analisis pengujian sampel bebas (<i>Independent-sample t-test</i>) bagi kaedah pengajaran mengikut bidang pelajar	104
4.8: Analisis pengujian sampel bebas (<i>Independent-sample t-test</i>) bagi ciri-ciri keusahawanan mengikut bidang pelajar	108
5.1: Cadangan Panduan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Keusahawanan Kolej Vokasional	139



SENARAI RAJAH

1.1: Kerangka konsep kajian	28
2.1: Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991)	72
3.1: Kerangka Operasi Kajian	78
3.2: Kaedah pensampelan rawak berstrata	82



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	M/S
A	Silibus Keusahawanan Modul Keusahawanan	181
B	Modul Keusahawanan	184
C	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	186
D	Soal Selidik Guru	188
E	Soal Selidik Pelajar	198
F	Nilai Skor Min Dan Sisihan Piawaian Bagi Item Kaedah Pengajaran Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Guru	208
G	Nilai Skor Min Dan Sisihan Piawaian Bagi Item Kaedah Pengajaran Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Pelajar	212

SENARAI PENERBITAN

Bab dalam buku:

- (i) Sadli, N., & Mohamad, M. M. (2018). *Konsep Kaedah Pengajaran Keusahawanan Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional*. Bab 6 dalam Kurikulum & Instruksi. Siri 6. Batu Pahat: Penerbit UTHM.

Prosiding:

- (i) Sadli, N., Mohamad, M. M., Mohamad, M., & Ahmad, A. (2019, November). Teaching Entrepreneurship: Impartation of Entrepreneurial Characteristics in Teaching Strategies. In *2019 IEEE 11th International Conference on Engineering Education (ICEED)* (pp. 228-233). IEEE. (Scopus Indexed)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keusahawanan dalam perkataan Inggeris ialah *entrepreneur* yang berasal dari perkataan Perancis iaitu *entrepredre* yang membawa maksud *to undertake* atau dalam Bahasa Melayu boleh dimaksudkan sebagai memikul tugas atau tanggungjawab (Mat Mom, 2014). Bidang keusahawanan merupakan landasan utama terhadap pembangunan insan dengan melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara (Esa, Hassan, Hassim & Hadi, 2012). Sehingga kini, pelbagai aktiviti keusahawanan telah berjaya dijalankan di Malaysia oleh para pelabur dari dalam mahupun luar negara kerana kedudukan Malaysia yang strategik, selamat dan berpotensi dalam pelbagai aspek. Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia merupakan pusat perdagangan dunia yang terkenal dan penting sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi iaitu sekitar tahun 1400 tahun yang lalu. Kini, bidang keusahawanan berkembang maju dengan inovasi teknologi baharu yang mana cara pelaksanaan perniagaan berubah. Ini kerana, digitalisasi dalam bidang perniagaan bukan lagi menjadi trend atau pilihan, tetapi ianya suatu bidang yang menjadi keperluan kepada para usahawan dan peniaga bagi memastikan perniagaan mampu untuk terus bertahan dan kekal berdaya saing (SME Corp Malaysia, 2018).

Usahawan merupakan individu yang berusaha menggunakan semua yang dimiliki iaitu modal, tanah dan tenaga kerja secara optimum bagi memastikan keuntungan yang maksimum dicapai (Maigida, Saba & Namkere, 2013). Usahawan adalah seseorang yang berani mengambil risiko untuk memulakan atau menubuhkan sesuatu perniagaan atau perusahaan dan mengusahakannya. Individu yang telah

memulakan sesuatu perniagaan atau telah membeli perusahaan yang dimulakan oleh orang lain juga dikenali sebagai usahawan. Usahawan mempunyai wawasan untuk mengembangkan perniagaan demi kemakmuran masyarakat serta pembangunan negara (Mohd Rosli, 2013). Menurut Barjoyai (2000), sifat keperibadian seseorang usahawan adalah seperti berkeyakinan, berorientasikan kemanusiaan, berorientasikan tugas dan keputusan, berorientasikan masa hadapan, sentiasa bersedia mengambil risiko, berkebolehan membuat keputusan, berkebolehan dalam merancang dan mengurus, mempunyai sikap ketulenan dan berkebolehan mengawal perniagaan. Seterusnya, Hamed (2006) menyenaraikan beberapa ciri usahawan seperti tabah, bersemangat, bertanggungjawab, berkeyakinan, berani, bebas, berpandangan jauh, tidak putus asa, berwawasan, kreatif dan proaktif. Manakala, Yusof (2010) pula menyenaraikan lapan ciri-ciri keusahawanan seperti bersedia untuk memimpin, cenderung untuk menganalisis sesuatu situasi, mempunyai misi, wawasan, matlamat yang jelas, bersedia merebut peluang, bersifat kreatif dan inovatif, yakin akan keupayaan dan berkebolehan untuk merancang, memimpin dan mengawal aktiviti perniagaan. Sementara, Asykin, Rasul dan Othman, (2019) menyatakan bahawa ciri-ciri usahawan yang boleh dikenal pasti adalah kreatif dan inovatif, berani mengambil peluang dan risiko, bermotivasi dan percaya kepada diri sendiri.

Berdasarkan kajian Mahmud, Hamzah dan Udin (2011), bidang keusahawanan adalah suatu tindakan kreatif yang menjadikan usahawan itu sebagai pembawa kepada perubahan. Keusahawanan juga memberi suasana persekitaran yang kreatif dan inovatif yang mana mampu menghasilkan produk serta perkhidmatan baharu kepada ekonomi. Manakala, Nawang, Sa'at, Ahmad dan Mamat (2016) pula mendefinisikan keusahawanan sebagai satu bidang kerjaya yang amat digalakkan oleh pihak kerajaan di mana usahawan mengendalikan urusan perniagaan untuk keuntungan sebagai sumber pendapatan diri dan keluarga dan seterusnya memperoleh kejayaan dalam dunia keusahawanan.

Bidang keusahawanan dianggap sebagai salah satu medium untuk mengatasi cabaran ekonomi. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baharu dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara pada abad ke 21. Lantaran itu, Malaysia giat berusaha gigih untuk melahirkan usahawan-usahawan yang mampu mendepani dunia global melalui pelbagai medium dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Pembangunan Keusahawanan,

Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Ini kerana, Malaysia yang kini berstatus negara membangun dan berhasrat untuk menjadi salah satu negara maju, memerlukan lebih golongan yang menyediakan pekerjaan berbanding golongan yang mencari pekerjaan (Ahmad, 2013).

Golongan belia merupakan golongan yang terpenting untuk membantu memacu perkembangan ekonomi negara. Sehubungan itu, golongan ini perlu didedahkan dengan dunia keusahawanan agar mereka menceburi bidang keusahawanan selepas tamat sekolah mahupun setelah tamat pengajian tinggi. Belia seharusnya memandang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Terdapat ramai usahawan muda yang telah membuktikan bahawa bidang keusahawanan merupakan bidang yang sangat berpotensi bukan sahaja untuk dijadikan sebagai mata pencarian, memberi peluang pekerjaan kepada orang lain tetapi turut mampu untuk mengaut keuntungan yang lumayan. Mereka bukan sahaja berjaya meletakkan diri dalam kalangan usahawan muda Malaysia yang telah berjaya di bawah usia 30 tahun tetapi turut tersenarai dalam kalangan 300 usahawan muda berjaya di 23 negara di Asia Pasifik pada tahun 2017 (Berita Harian, 2017). Seharusnya, para belia termasuklah graduan universiti menjadikan mereka sebagai inspirasi untuk menjadi usahawan muda yang berjaya kelak. Tambahan lagi, mempunyai ijazah pada masa kini bukan jaminan akan mendapat kerjaya yang diinginkan.

Sistem pendidikan negara merupakan salah satu tunjang utama bagi merealisasikan hasrat negara tersebut. Sebagai contoh, mahasiswa di saran agar diterapkan dengan ilmu keusahawanan yang mana merupakan sebahagian daripada lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 Pendidikan Tinggi (Metro, 2021). Ini kerana, pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi agar mampu memacu pertumbuhan ekonomi serta mengekalkan keharmonian negara. Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, Malaysia perlu melaksanakan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa iaitu satu proses pelaksanaan transformasi pendidikan yang memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap pelajar mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21, dengan usaha untuk memahami dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sehubungan itu, proses pengajaran dan pembelajaran juga perlu berubah mengikut peredaran zaman. Pendekatan kaedah pengajaran yang bersesuaian perlu dititikberatkan agar objektif yang disasarkan berjaya untuk dicapai. Hal ini haruslah diberi perhatian serius oleh tenaga pengajar keusahawanan dari semua institusi pendidikan, termasuklah guru yang mengajar keusahawanan di Kolej Vokasional (KV) yang mana salah satu matlamatnya adalah untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing. Berdasarkan data yang diperoleh, seramai 12,800 graduan telah dikeluarkan oleh Kolej Vokasional seluruh Malaysia pada tahun 2017. Namun, bilangan graduan yang menceburi bidang keusahawanan kurang daripada 5%, manakala 20.44% graduan pula belum mendapat pekerjaan setelah 6 bulan menamatkan pengajian di Kolej Vokasional (BPTV, 2018).

1.2 Latar Belakang Masalah

Usahawan adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang diterima sebagai golongan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat yang juga dikenal pasti sebagai agen untuk merubah ekonomi dunia (Yusof, 2010). Selari dengan sasaran negara untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, inklusif dan berpaksikan inovasi menjelang tahun 2020, dalam konteks pembangunan masyarakat dan ekonomi, melahirkan golongan usahawan dan menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat secara amnya, dan di kalangan pelajar secara khususnya, amatlah penting dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi ini (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2015). Menurut Giacomini *et al.* (2011), kerajaan menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan diterapkan dalam sistem pendidikan negara kerana aktiviti keusahawanan adalah satu komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi, inovasi dan pekerjaan. Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan bagi menarik minat orang ramai termasuklah golongan graduan agar menceburi bidang keusahawanan.

Malaysia memandang serius perkara berkaitan dengan usahawan dengan mengambil pelbagai pendekatan bermula dari alam sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti bagi menarik minat pelajar agar menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Namun, sehingga kini, usaha yang dijalankan masih belum berjaya sepenuhnya. Ini disokong dalam dapatan kajian Lope Pihie, Bakar dan

Konting (2002) mendapati bahawa hanya 28.74% orang pelajar yang dikaji ingin memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan pada masa hadapan. Seterusnya, Abdul Manaf, Omar dan Azmi (2012) menyatakan bahawa pemilihan bidang kerjaya sebagai usahawan pada masa hadapan adalah berada pada tahap sederhana. Situasi ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya kerana pemahaman yang kurang jelas tentang kursus keusahawanan. Menurut Nasharudin dan Harun (2010), masih terdapat pelajar yang kurang memahami konsep keusahawanan yang mana mengakibatkan penglibatan mereka dalam bidang ini masih sedikit. Seterusnya, Warman, Roddin, Esa, Awang, Mohamed dan Ab Rahman (2010) menyatakan, belia kurang menceburi bidang keusahawanan kerana kurangnya penghayatan tentang konsep dan falsafah keusahawanan dalam diri mereka sendiri.

Selain itu, terdapat aspek persekitaran yang mempengaruhi kecenderungan individu untuk menceburi bidang keusahawanan. Pembudayaan keusahawanan yang diterapkan secara tidak langsung dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi tidak dapat memupuk budaya keusahawanan pelajar apabila pelajar menamatkan pengajian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Hal ini tidak dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian kerana kurangnya pembudayaan keusahawanan secara langsung semasa di peringkat pengajian tinggi. Sehubungan itu, persekitaran pendidikan yang menarik dan mudah diakses secara langsung dapat mengembangkan kemahiran dan kualiti keusahawanan pelajar semasa dalam tempoh pengajian (Solesvik, Westhead, dan Matlay, 2014). Kajian Othman dan Othman (2017) mendapati bahawa tanpa pendidikan keusahawanan yang berkesan, graduan akan menghadapi cabaran untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan kerana kurangnya pendedahan kemahiran perniagaan. Oleh itu, pemahaman untuk menjana idea dan peluang perniagaan, pengurusan kewangan, perancangan perniagaan dan penyelidikan pasaran sangat penting.

Kajian Molaei, Zali, Mobaraki, dan Farsi (2014) menyatakan bahawa tahap kecenderungan keusahawanan akan menjadi rendah sekiranya tiada pembudayaan keusahawanan dalam kehidupan seharian dikategorikan pada tahap kecenderungan keusahawanan yang rendah. Pelajar universiti merupakan golongan yang berpotensi untuk menjadi usahawan dan seharusnya digalakkan untuk membuka perniagaan apabila tamat pengajian kelak (Remeikiene, Dumciuviene & Startiene, 2013). Menurut Abdul Manaf, Othman dan Azman (2012), tenaga pengajar pendidikan keusahawanan perlu berperanan dalam memupuk dan mengembangkan minat, bakat,

potensi dan kekuatan keusahawanan dalam diri pelajar agar terbuka minda mereka untuk memilih usahawan sebagai kerjaya dan mengusahakan perniagaan pada masa hadapan. Selain itu, Omar (2011) menyatakan bahawa universiti hendaklah mempunyai strategi bagi menjayakan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kerana keusahawanan adalah bidang kerjaya yang sangat penting di Malaysia pada waktu ini.

Walaupun bidang keusahawanan adalah elemen utama kepada pembangunan ekonomi negara, usahawan bukan pilihan graduan sebagai kerjaya alternatif. Ia disokong oleh Laporan Pemantauan Keusahawanan Global atau GEM (2014) yang menyatakan bahawa, hanya 50.37% daripada penduduk Malaysia yang menganggap keusahawanan merupakan pilihan kerjaya yang baik, walaupun terdapat kajian yang menunjukkan 70% pekerjaan adalah dijana oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (Lim & Grant, 2014). Namun, peratus penduduk Malaysia yang bersetuju bahawa bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang baik meningkat kepada 77.1% pada tahun 2017 (GEM, 2018). Ini menunjukkan bahawa persepsi masyarakat Malaysia terhadap kepentingan dan kebaikan bidang keusahawanan semakin positif. Walau bagaimanapun, kajian oleh GEM (2018) turut mendapati bahawa tahap ketakutan akan kegagalan meningkat dari 36.7% pada tahun 2016 kepada 45% pada tahun 2017. Situasi ini menghalang graduan daripada menubuhkan perniagaan walaupun peratus individu yang berniat untuk memulakan perniagaan dalam masa 3 tahun menunjukkan peningkatan yang amat baik iaitu hampir 5% pada tahun 2016, meningkat kepada 17.6% pada tahun 2017. Seterusnya, hasil dapatan juga menunjukkan peratus pemilikan perniagaan juga menurun dari 4.7% pada tahun 2016 kepada 3.82%. Keadaan ini menunjukkan ketidakpercayaan rakyat Malaysia untuk menceburi bidang keusahawanan walaupun indeks motivasi meningkat sangat tinggi iaitu 9.22% pada tahun 2017 berbanding 3.7% pada tahun 2016. Pada masa kini, masih terdapat segelintir individu yang tidak mahu untuk menceburi bidang keusahawanan kerana berpendapat, bidang keusahawanan tidak mampu memberikan jaminan masa depan yang cerah sebagaimana bekerja makan gaji sama ada dalam sektor awam mahupun swasta (Mustapha, Husain, Mokhtar, Bakar & Safian, 2011). Seterusnya, kadar pengangguran di Malaysia menunjukkan peningkatan saban tahun. Pada suku pertama 2019, seramai 516,600 penganggur telah direkodkan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Manakala, seramai 238,286 daripadanya termasuk 174,327 siswazah, telah mendaftar dengan JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga

Kerja (JTK) Semenanjung sebagai pencari kerja aktif. Isu pengangguran di Malaysia semakin meruncing kerana golongan belia merupakan penyumbang utama kepada kadar pengangguran negara. Penganalisis mendapati bahawa faktor ketidakseimbangan kemahiran serta jurang struktur asas antara sistem pendidikan dan industri merupakan antara punca situasi ini berlaku. Ramai pelajar yang hanya cemerlang di peringkat sekolah dan universiti, namun masih tidak mampu lagi untuk menembusi pasaran kerja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), peratus bagi kadar pengangguran di Malaysia bagi tahun 2017 secara keseluruhannya adalah kekal seperti tahun 2016 iaitu 3.4%. Namun, jumlah bilangan penganggur meningkat daripada 7.0 juta orang pada tahun 2016 kepada 7.1 juta orang pada tahun 2017. Manakala, kadar pengangguran belia menunjukkan peningkatan iaitu dari 10.7% pada 2015 kepada 13.1% pada 2016. Kadar pengangguran golongan muda Malaysia adalah 10.8%, iaitu lebih tinggi berbanding negara lain seperti Singapura (4.6%), Thailand (5.9%), Vietnam (7.9%) dan India (10.5%). Apa yang membimbangkan lagi, kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi, iaitu 15.3%, berbanding belia yang tidak berpendidikan tertiar iaitu 9.8% (Bank Negara Malaysia, 2016). Keadaan ini merupakan suatu kerugian kerana negara memerlukan golongan muda untuk memacu perkembangan ekonomi negara. Menurut Remeikiene *et al.* (2013), graduan universiti merupakan golongan yang berpotensi untuk menjadi usahawan. Ini kerana, dengan adanya pendidikan keusahawanan di universiti, ianya membantu meningkatkan pemahaman terhadap kepentingan bidang keusahawanan terhadap masyarakat dan diri sendiri (Othman & Othman, 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa belia yang berpendidikan tertiar mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang keusahawanan sekiranya dijadikan sebagai kerjaya sekali gus mengurangkan pengangguran terutamanya dari golongan belia. Sesungguhnya, sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mampan sekiranya kadar pengangguran adalah rendah (Baharin, Yusoff & Ismail, 2012).

Manakala, pencapaian Malaysia dalam kalangan 6 negara ASEAN pada tahun 2014 adalah pada tahap yang paling rendah dari aspek hasrat menjadi usahawan (*entrepreneurial intention*), iaitu peratusan individu yang dijangka memulakan perniagaan dalam tempoh tiga tahun akan datang dan kadar *Total Early-Stage Entrepreneurial Activity* (TEA) iaitu peratusan individu yang sedang dalam proses untuk memulakan perniagaan serta mereka yang baharu sahaja menjalankan

perniagaan kurang daripada 3½ tahun (UNIRAZAK, 2015). Laporan tersebut juga menunjukkan bahawa peratusan bagi *Total Early-Stage Entrepreneurial Activity* adalah lebih rendah berbanding *entrepreneurial intention*, bermaksud ramai dalam kalangan individu di Malaysia berhasrat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, namun tidak berjaya merealisasikannya. Malahan, kecenderungan sahaja masih belum mencukupi untuk menjadi usahawan yang berjaya kerana ciri-ciri seorang usahawan mestilah sanggup menanggung risiko, kreatif, berpendirian, pencapaian sendiri dan kawalan dalam diri (Johari, Absharizan Abu Bakar & Ahmad, 2013). Keadaan ini memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi negara. Oleh itu pelajar perlu diberikan pendedahan yang maksimum tentang dunia keusahawanan. Pendidikan keusahawanan perlu diberi perhatian yang lebih khusus dengan memperkenalkan ciri-ciri keusahawanan dan mencungkil potensi keusahawanan pelajar bagi menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya, seterusnya mengurangkan masalah pengangguran di Malaysia dan sekali gus membantu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kementerian Pengajian Tinggi turut memainkan peranan terhadap keprihatinannya dalam bidang keusahawanan dengan melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (2016-2020) yang menyasarkan 5% daripada jumlah pelajar IPT yang bergraduan, bekerja sendiri atau menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020 (KPT, 2016). Namun, sasaran tersebut belum berjaya dicapai kerana peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan masih rendah. Ini kerana peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan sebaik sahaja menamatkan pengajian adalah hanya sekitar 2% sahaja, iaitu masih kurang 3% daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menjelang tahun 2020 (KPT, 2016). Tambahan pula, menurut kajian Mohd Zahari (2010), program pendidikan keusahawanan di politeknik tidak dapat menarik minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Memandangkan keusahawanan merupakan pemangkin kemajuan negara, melalui penambahbaikan sistem pendidikan, antara inisiatif yang dilaksanakan untuk memenuhi keperluan negara serta merealisasikan hasrat untuk menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Transformasi Pendidikan Vokasional, telah mentransformasikan sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional yang matlamat pelaksanaannya adalah untuk melahirkan 70% tenaga kerja mahir dan kompeten bagi memenuhi keperluan industri, 20%

melanjutkan pelajaran dan 10% usahawan yang berdaya saing. Kini terdapat sebanyak 81 buah Kolej Vokasional yang beroperasi di seluruh Malaysia (BPTV, 2017). Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, objektif kementerian melalui bidang TVET adalah untuk melahirkan graduan TVET yang berkualiti dengan memupuk bakat berkemahiran pelajar bagi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat dan kian berubah, serta menggalakkan pembangunan kerjaya individu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Memiliki perniagaan dan bekerja sendiri merupakan pilihan yang realistik bagi pelajar yang mempunyai kemahiran vokasional dan teknikal. Menurut Maigida, Saba dan Namkere (2013), melalui bidang TVET (*Technical Vocational Education and Training*), belia boleh membangunkan kemahiran yang boleh dipasarkan agar mereka dapat bekerja sendiri atau mendapatkan pekerjaan dengan mudah selepas tamat pengajian. Namun, peratus graduan KV yang menjadikan usahawan sebagai kerjaya masih di tahap yang rendah, walaupun pelbagai usaha dijalankan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan motivasi ke arah penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan, seperti mana yang boleh dilihat dalam Jadual 1.1.



RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf (2003). *Pengurusan Sumber Manusia: Konsep, Isu dan Pelaksanaan*: Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Ab Razak, N. (2013). *Mulakan Bisnes Hari Ini*. Selangor: Iqra' Advance Solution.
https://books.google.com/.../MULAKAN_BISNES_HARI_I...
- Abd Hamid, S. R., Syed Hassan, S. S., & Ismail, N. A. H. (2012). Teaching quality and performance among experienced teachers in Malaysia. *Australian Journal of Teacher Education*, 37(11), 5.
- Abdiansyah Linge & Upi Sopiah, A. (2016). Keusahawanan Dalam Perspektif Al Quran dan Etnologi. *Jurnal Business & Management Islam*, 4 (2), 17.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghani, H. M., Al-Drees, A. A., Khalil, M. S., Ahmad, F., Ponnampuruma, G. G., & Amin, Z. (2014). What factors determine academic achievement in high achieving undergraduate medical students? A qualitative study. *Medical teacher*, 36(sup1), S43-S48
- Abdul Latif, N. H. (2013). *Pemupukan Kreativiti Dan Motivasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar Berasaskan Modul PIS*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Master.
- Abdul Majid Khan, A. R. (2011). *Penyelidikan Klinikal dari Perspektif Pengajaran di Sekolah*. Selangor: PTS Profesional.
- Abdul Manaf, A., Omar N. H., & Kuan Yee, L. (2012). Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan Dalam Perniagaan. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1), 34-45.

- Abdul Manaf, A., Othman, N. H. & Azman, N. H. (2012). Potensi Keusahawanan Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Proceedings of the 2nd. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia, 3rd.-5th March 2012*, (12191), 1–8
- Abdullah, F. (2013). *Tahap Kecekapan Pensyarah Teknologi Automotif Dalam Melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional di Negeri Pahang*. Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdullah, H. (2010). *Usahawan Jadi Pensyarah IPTA*. Sumber: Utusan Malaysia Online-Kampus.
- Abdullah, M. S. (2015). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik dalam menceburi bidang keusahawanan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Doctoral dissertation
- Abu Bakar, N. (2015). *Penerapan Domain Psikomotor Dalam Pelaksanaan Pengajaran Amali di Kolej Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abu Bakar, Z. A. (2009). *Kepentingan Kemahiran Pengajaran Amali Dalam Pengajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Adai, S. (2016). *Kemahiran Usahawanan Pelatih Wanita di Institut Latihan dalam Bidang Rekaan Fesyen Pakaian*. Fakulti Pendidikan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana
- Afifi, Z. (2021). The Improvement of Entrepreneurial Interest Through Entrepreneurship Education, Entrepreneurship Sprit and Entrepreneurship Motivation.
- Ahmad Zanzali, N. A. & Asri Atjeng, H. (2010). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ahmad, A. & Abd Halim, N. (2017). *Amalan Pengajaran Amali Teknologi Elektrik di Kolej Vokasional. Kurikulum Dan Instruksi Siri 3*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ahmad, S. Z. (2013). The Need for Inclusion of Entrepreneurship Education in Malaysia Lower and Higher Learning Institutions. *Education + Training*, 55(2), 191–203. <https://doi.org/10.1108/00400911311304823>

- Ahmad, S. Z., Ismail, M. Z., & Buchanan, F. R. (2014). Examining The Entrepreneurship Curriculum in Malaysian Polytechnics. *International Journal of Management Education*, 12(3), 397–406. <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2014.06.004>.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Akaka, M. A., Vargo, S. L., & Wieland, H. (2017). Extending the context of innovation: The co-creation and institutionalization of technology and markets. *Innovating in practice*. pp. 43-57
- Akaka, M. A., Vargo, S. L., & Wieland, H. (2017). Extending the context of innovation: The co-creation and institutionalization of technology and markets. *In Innovating in practice* (pp. 43-57). Springer, Cham.
- Ali Kiyani, S. (2017). Role of entrepreneurship education on student attitudes. *Abasyn Journal of Social Sciences*, 10(2), 270-293.
- Alias, M. (2017). *Teknik Menulis Cadangan Penyelidikan Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Almeida, P. I., Ahmetoglu, G., & Chamorro-Premuzic, T. (2014). Who wants to be an entrepreneur? The relationship between vocational interests and individual differences in entrepreneurship. *Journal of Career Assessment*, 22(1), 102-112.
- Amabile, T. M. (1988). A model of creativity and innovation in organizations. *Research in organizational behavior*, 10(1), 123-167.
- Amat, M., & Ishak, S. (2019). Faktor PSiKKIT: Pendorong inovasi pembungkusan dalam kalangan Industri Kecil dan Sederhana berasaskan perusahaan makanan (PSiKKIT factors: Drivers of packaging innovation among food companies within the Small and Medium Industries). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3).
- Ambad, S. N. & Damit, D. H. (2016). Determinants of Entrepreneurial Intention Among Undergraduate Students in Malaysia. *Procedia Economics and Financ.*, 37.108-114.
- Ambotang, A. S. (2013) *Cabaran Transformasi Agenda Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.

- Amorim Neto, R., Picanco Rodrigues, V., & Panzer, S. (2017). Exploring the Relationship Between Entrepreneurial Behaviour and Teachers' Job Satisfaction. *Teaching and Teacher Education*, 63, 254-262. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.01.001>.
- Anas Redzuan Shariff dan Saifullizam Puteh (2018). Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu. 1-14.
- Anumnu, S.I. (2013). Knowledge Management and Development of Entrepreneurial Skills Among Students In Vocational Technical Institutions In Nigeria. Kidmore End: *Academic Conferences International Limited*, 37-XI.
- Anwar, F. M. I. A., Ahmad, N., Nor Kamariah Kamaruddin, K. N. (2020). *Faktor Pendorong Pelajar UTHM Dalam Bidang Keusahawanan*. Batu Pahat: Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Asykin, N., Rasul, M. S., & Othman, N. (2019). Teaching Strategies to Develop Technical Entrepreneurs. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 7(6), 17.
- Audretsch, D. B. (1995). Innovation, growth and survival. *International journal of industrial organization*, 13(4), 441-457.
- Aziz, N. E. M., Harun, N., Esa, M. M., Yaacob, M. R., & Rahman, A. A. A. (2018). Pendidikan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam melahirkan usahawan berjaya di Malaysia. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 73.
- Badariah Hj. Din, Abdul Rahim Anuar & Mariana Usman. 2016. The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skills among public university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224 (August 2015): pp. 117-123.
- Bahagian Matrikulasi (2015). Huraian Sukatan Pelajaran : Pengurusan Perniagaan AN015 & AN025. Putrajaya: Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharin, N., Yusoff, I. & Ismail, R. (2012). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*. Ipoh, Perak. pp: 209-227.

- Bakar, H., Mohamad, A., Hashim, N., Ooi, Y. K. & Abdullah, S. (2012). *Kajian Pengesanan Graduan Sarjana Muda Keusahawanan (SMK) 2012*. Universiti Utara Malaysia: Laporan Penyelidikan Geran LEADS. Kolej Perniagaan.
- Bakar, R., Islam, M. A., & Lee, J. (2015). Entrepreneurship Education: Experiences in Selected Countries. *International Education Studies*, 8(1), 88-99.
- Bakar, N. S., Samat, M. S., Awaludin, N. S., Jaafar, S., Nadzri, S. (2016). Kajian Faktor Penglibatan Belia Dalam Bidang Keusawanan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM) 31st October - 1st November 2016*, 978-967-0850-61-0.
- Bank Negara Malaysia (2016). *Laporan Tahunan 2016: Prospek dan Dasar Pada Tahun 2017; Rencana : Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar*. Putrajaya.
- Barjoi Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Dlm. Buerah Tunggak & Hussin Salamon. Budaya Usahawan Berjaya. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Bennett, R. (2006). Business Lecturers' Perceptions of The Nature of Entrepreneurship. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 12(3), 165 – 188.
- Berry, B. (2013). Teacherpreneurs: A bold brand of teacher leadership for 21st-century teaching and learning. *Science*, 340(6130), 309-310. <https://doi.org/10.1126/science.1230580>.
- Boon, Y., & Aziz, A. A. (2008). Profil Keusahawanan Dikalangan Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik). pp 1-6. (Tidak Diterbitkan)
- BPTV (2017). Program Kolej Vokasional. *Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPTV (2018). *Kajian Pengesanan Graduan Kolej Vokasional Kohort 2013 (Data Disember 2017)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bujor, A., & Avasilcai, S. (2016). The creative entrepreneur: A framework of analysis. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 221, 21-28.
- Burke, J., & Larry, C. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Boston: Allyn & Bacon.
- Burton, M. D., Sørensen, J. B., & Dobrev, S. D. (2016). A careers perspective on entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 40(2), 237-247.

- Buzady, Z., & Almeida, F. (2019). FLIGBY—A serious game tool to enhance motivation and competencies in entrepreneurship. In *Informatics* (Vol. 6, No. 3, p. 27). Multidisciplinary Digital Publishing Institute.
- Carsrud, A., & Brännback, M. (2011). Entrepreneurial motivations: what do we still need to know?. *Journal of Small Business Management*, *49*(1), 9-26.
- Cheng, M. Y., Chan, W. S., & Mahmood, A. (2009). The effectiveness of entrepreneurship education in Malaysia. *Education+ training*.
- Christina, W., Purwoko, H., & Kusumowidagdo, A. (2015). The role of entrepreneur in residence towards the students' entrepreneurial performance: A study of entrepreneurship learning process at Ciputra University, Indonesia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *211*, 972-976.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw- Hill (Malaysia)
- Csikszentmihalyi, M. (2013). *Creativity: The psychology of discovery and invention*. New York: HarperCollins
- Chou, D. C. (2018). Applying design thinking method to social entrepreneurship project. *Computer Standards & Interfaces*, *55*, 73-79.
- Chum, U. P., Norasmah Othman dan Jamil Ahmad, (2010). Penilaian Program Perintis Usahawan (Ppu) Di Sekolah Rendah. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM.
- Costa, S. F., Santos, S. C., Wach, D., & Caetano, A. (2018). Recognizing opportunities across campus: The effects of cognitive training and entrepreneurial passion on the business opportunity prototype. *Journal of Small Business Management*, *56*(1), 51–75. <https://doi.org/10.1111/jsbm.12348>
- Daim, T., Dabic, M., & Bayraktaroglu, E. (2016). Students' entrepreneurial behavior: international and gender differences. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, *5*(1), 1-22.
- Dam, K. V., Schipper, M., & Runhaar, P. (2010). Developing a competency-based framework for teachers' entrepreneurial behavior. *Teaching and Teacher Education*, *26*, 965-971.
- Davey, T., Hannon, P., & Penaluna, A. (2016). Entrepreneurship education and the role of universities in entrepreneurship: *Introduction to the special issue*, 171-182.

- de Hoog, N. (2013). Processing of social identity threats: a defense motivation perspective. *Soc. Psychol.* 44, 361–372
- DeTienne, D. R., & Chandler, G. N. (2004). Opportunity identification and its role in the entrepreneurial classroom: A pedagogical approach and empirical test. *Academy of management learning & education*, 3(3), 242-257.
- Deveci, İ., & Seikkula-Lein, J. (2016). Finnish Science Teacher Educators' Opinions about the Implementation Process Related to Entrepreneurship Education. *Electronic Journal of Science Education*, 20(4), 1-20.
- Din, M. S., Hoe, C. H., Hashim, N., Ooi, Y. K., Ahmad, S., Bakar, H., & Md Hussain, M. N. (2005). Asas keusahawanan. *Thomson Learning*.
- Djaali & Muljono, P. (2008). *Pengukuran dalam Pendidikan*. Jakarta: PT Grasindo.
- Draycott, M., Rae, D. & Vause, K. (2011), The Assessment of Enterprise Education in The Secondary Education Sector. A new approach?, *Education + Training*, 53(8/9), 673-91.
- Drucker, P. (1999). *Innovation and Entrepreneurship*. Butterworth-Heinemann, Oxford
- Duane, B. T. & Satre, M. E. (2014). Utilizing Constructivism Learning Theory in Collaborative Testing as a Creative Strategy to Promote Essential Nursing Skills. *Nurse Education Today*, 34(1), 31-4. doi:10106/j.nedt.2013.03.005.
- Dunkelberg, W., Moore, C., Scott, J & Stull, W. (2013). Do Entrepreneurial Goals Matter? Resource Allocation in New Owner-Managed Firms. *Journal of Business Venturing*, Vol.28, 225-240.
- Duval-Couetil, N., Reed-Rhoads, T., & Haghighi, S. (2012). Engineering students and entrepreneurship education: Involvement, attitudes and outcomes. *International Journal of Engineering Education*, 28(2), 425-435.
- Dwerryhouse, R. (2001). Real Work in the 16-19 Curriculum: AVCE Business and Young Enterprise. *Education & Training*, 43(3), 153-161.
- Embi, M.A. & Mohd Nordin, N. (2013). *Mobile Learning: Malaysian Initiatives & Research Findings*. Centre For Academic Advancement, Universiti Kebangsaan Malaysia & Department of Higher Education, Ministry of Higher Education.
